

MH370 dapat diselamatkan jika TUDM peka

Free Malaysia Today

30 March 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Bekas calon Ketua Pemuda, Syed Rosli Syed Harman al Jamalulail (gambar) berpendapat pesawat MAS MH370 dapat diselamatkan jika TUDM peka ketika ia membuat turning back.

Menurut beliau, walaupun ianya adalah pesawat bukan “hostile” iaitu hanya pesawat komersial tetapi pihak TUDM sepatutnya segera menghubungi Pusat Kawalan Trafik Udara di Subang atau di KLIA untuk pengesanan memandangkan pesawat tersebut berada diruang udara negara.

“Radar tentera saya yakin lebih sensitif berbanding radar Pusat Kawalan Trafik Udara DCA,” tulis beliau dalam posting terbaharu blognya www,syedrosli.blogspot.com

Beliau berharap pihak kerajaan Malaysia perlu belajar dari setiap kelemahan dan wajib perbaiki kelemahan yang ada agar isu keselamatan rakyat dan negara akan sentiasa terbela.

“Jikalau pihak TUDM bertindak balas segera dengan melepaskan beberapa jet pejuang yang berpangkalan di Butterworth untuk melakukan siasatan di udara seperti cuba berkomunikasi dengan juruterbang MH370 dan jikalau gagal boleh cuba ekori kemana akan perginya MH370 tersebut pada masa kejadian mungkin boleh mengelakkan kehilangan MH370 ini,” katanya lagi.

Katanya, kita harus belajar dari apa yang berlaku pada Amerika 11/September 2001 di mana pesawat komersial telah digunakan oleh pengganas untuk menyerang WTC dan Pentagon.

Syed Rosli menambah kita harus belajar dari peristiwa kehilangan MH370 dan akui bahawa sistem pertahanan negara kita masih lemah dan sentiasa harus dikemas kini.

Beliau mencadangkan supaya di masa akan datang juga pihak kerajaan melalui Kementerian Pertahanan harus mengelakkan menguna perkhidmatan orang tengah “broker atau agen” untuk pembelian sebarang aset ketenteraan bagi mengelakkan berlaku ketirisan dan caj perkhidmatan yang terlalu mahal sehingga merugikan negara.

Katanya, pihak kerajaan boleh lakukan secara terus “one to one” dengan kerajaan negara pengeluar mahupun pembekal.

“Dengan ini isu penyelewengan dapat diatasi jikalau tidak keseluruhan boleh mengurangkannya,” tegasnya lagi.

Beliau juga mengalu-alukan kenyataan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bahawa semua pintu keluar masuk negara akan diperketatkan kawalannya.

Katanya, ini kerana ada dua penumpang MH370 warga Iran yang menggunakan pasport individu dari warga Itali dan Austria yang dilaporkan hilang di Thailand.

“Pihak Interpol juga telah menasihatkan pihak kerajaan Malaysia melalui Imigeresen Malaysia yang sepatutnya melakukan “cross check” dengan pengkalan data Interpol berpangkalan di Peranchis melalui online yang hanya mengambil masa sepantas 0.02 saat sahaja,” katanya.

Syed Rosli berkata ini antara perkara yang kerajaan Malaysia harus perbaiki dan belajar dari sembarang kelemahan dan kecuaiian jika berlaku di pihak kita agar perkara begini tidak akan berlaku lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/30/mh370-dapat-diselamatkan-jika-tudm-peka/>